

PERLUKAH SETIAP MANUSIA MEMILIKI KERETA?

Kereta ialah nama yang diambil daripada bahasa Portugis, “carreta” yang bermaksud kenderaan berenjin yang mempunyai tayar atau sebelumnya mereka menamakan kereta lembu juga dengan nama “carreta”. Menurut catatan sejarah, kereta mula digunakan pada abad ke-20.

Pada tahun 1886, Karl Benz memperkenalkan kereta dan mula berfikir untuk menggiatkan industri kereta bagi kegunaan lebih ramai manusia. Pada 1930, kereta berenjin diesel dan petrol mula popular di Eropah. Pada akhir 1950, kereta petrol dipopularkan di atas jalan raya. Kemudian mula berkembang ke banyak negara sehinggalah kereta diiktiraf sebagai alat atau mesin yang memiliki keupayaan mengatasi had keupayaan manusia. Hal ini juga menjadikan penggunaannya banyak menyumbang kepada kepesatan ekonomi dan masyarakat dunia menganggap keberadaannya meningkatkan taraf sosial.

Jika diambil dari tahun 1950 (tarikh mula kereta popular di atas jalan raya) hingga masa ini, dunia sudah menggunakan kereta lebih daripada 70 tahun. Dalam tempoh tersebut, kita tidak dapat menganggarkan dengan tepat jumlah kenderaan telah wujud dan berapa banyak sumbangan kepada kepentingan manusia di seluruh dunia.

Menurut statistik Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ), sebanyak 31.2 juta unit kenderaan bermotor telah berdaftar hingga tempoh 31 Disember 2019. Malaysia mengalami peningkatan jumlah pendaftaran kenderaan yang agak ketara sejak 10 tahun lepas, iaitu sebanyak 20.18 juta unit. Statistik ini secara purata merekodkan lebih daripada satu juta pertambahan kereta dalam tempoh setahun.

Menurut data Persatuan Automotif (MAA) pada tahun 2017, sebanyak 28.18 juta pendaftaran baharu kenderaan bermotor direkodkan.


Daripada jumlah keseluruhan, 13.29 juta melibatkan kereta. Pada tahun 2019, Li Chunrong (CEO Proton) dalam satu sidang media menjelaskan, Proton berjaya menjual

100 821 unit kenderaan termasuklah dalam perdagangan eksport. Penjualan Proton didapati meningkat sebanyak 55.7 peratus dari tahun sebelumnya.

Perusahaan Otomobil Kedua (Perodua) pula merekodkan, mereka berjaya menjual 146 951 unit kereta dalam tempoh tidak genap setahun pada tahun 2021 dan 171 861 unit kereta pada tahun 2020.

Daripada statistik ini, kita boleh bayangkan betapa pesatnya industri automobil Malaysia dalam pengeluaran kereta dan betapa ramainya penduduk memiliki kereta. Dianggarkan secara kasar, lebih daripada 11 juta unit kereta yang masih hidup dan berjalan di atas jalan raya Malaysia. Satu kajian mendapati, 93 peratus isi rumah rakyat Malaysia memiliki kereta dan lebih 54 peratus rakyat Malaysia memiliki lebih daripada satu kereta. Menurut laporan “Household Income and Basic Amenities Survey” pada tahun 2009, 71.9 peratus keseluruhan isi rumah rakyat Malaysia mempunyai atau menggunakan kereta sebagai kenderaan harian. Sejak tahun 1950 hingga sekarang, kita tidak dapat menafikan kesan baik kewujudan kereta kepada seluruh umat manusia dalam pembangunan atau kemajuan. Namun begitu, jika dilihat kehidupan moden yang dilalui kini tidak dapat lari daripada impak negatif terhadap alam, persekitaran, mental manusia dan yang paling banyak dibahaskan di serata dunia termasuklah kesan penggunaan kenderaan terhadap bumi.

Menurut data Jabatan Tenaga Unites States, kenderaan termasuklah kereta melepaskan kira-kira 1.7 bilion tan atau bersamaan 1.5 tan metrik gas rumah hijau (GHG) ke atmosfera setiap tahun yang kebanyakannya berpunca daripada gas karbon dioksida (CO²). Setiap gelen petrol yang dibakar oleh kereta kita menyumbang 20 paun atau sembilan kilogram GHG. Jika dianggarkan sebuah kenderaan menggunakan satu gelen bahan bakar setiap hari secara purata, maka dalam setahun, sebuah kenderaan menghasilkan 3285 kilogram GHG dan membebaskannya



ke atmosfera bumi. Bayangkan jika di negara kita sudah lebih daripada 10 juta buah kenderaan menggunakan kereta dengan perkiraan satu gelen per satu buah kenderaan, kita sudah membebaskan lebih daripada 10 juta gelen GHG ke atmosfera bumi pada setiap hari. Oleh sebab itu, tidak hairanlah kita mengalami pemanasan global dan perubahan iklim secara mendadak. Semua perubahan ini memberikan kesan kepada penduduk bumi pada masa ini dan akan lebih merosakkan alam pada masa depan.

Dalam satu kenyataan media, YB Datuk Abdul Aziz Kaprawi (mantan Timbalan Menteri Pengangkutan) pada tahun 2016, beliau menyatakan Malaysia merekodkan 2.55 kematian akibat kemalangan bagi setiap 10 000 buah kenderaan berdaftar. Hal ini menunjukkan, Malaysia merupakan antara negara yang memiliki rekod kematian yang tinggi dan keadaan mengerikan ini disebabkan oleh pertambahan kenderaan di atas jalan raya.

Selain itu, kesan daripada penggunaan kenderaan juga memberikan impak kepada ekonomi rakyat Malaysia. Dalam laporan "Household Income and Basic Amenities Survey" menganggarkan jumlah hutang kenderaan persendirian penduduk Malaysia berjumlah kira-kira 134.2 bilion pada Mei 2012. Rekod ini meningkat sebanyak 14 peratus atau 16 bilion dalam tempoh 18 bulan sejak November 2010.

Dalam kenyataan akhbar pada Februari 2022, YB Senator Dato' Sri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan menyatakan, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun 2021, sebanyak 89 peratus daripadanya didorong oleh pinjaman kenderaan dan perumahan. Dalam laporan lain, pinjaman terbesar rakyat Malaysia selepas rumah kediaman ialah kenderaan. Dato' Sri Tengku Zafrul turut menyatakan, jika harga minyak mentah dunia lebih A.S.\$100 setong, dijangka perbelanjaan kerajaan akan mencecah 28 bilion setahun untuk subsidi kepada rakyat. Menurut beliau, pada masa akan datang, jika harga minyak dan penggunaan petrol semakin meningkat kerajaan terpaksa mencari alternatif lain atau mengurangkan subsidi.

Pada tahun 2019, Pakar Geostrategis Malaysia, Profesor Dr. Azmi Hassan

menyatakan rakyat Malaysia menggunakan minyak jenis RON95 (minyak subsidi) sebanyak 14.4 bilion liter setahun dan kerajaan memperuntukkan subsidi sebanyak 4.32 bilion setahun. Daripada kenyataan ini, kita boleh lihat dengan jelas, meskipun negara pengeluar minyak mentah sekalipun menggunakan bahan bakar petroleum yang tinggi, taraf hidup rakyat dan ekonomi negara mereka boleh terganggu. Kita boleh membayangkan jika penggunaan bahan bakar petroleum dikurangkan untuk setiap satu bilion, kerajaan mampu membina lebih 4500 unit rumah mampu milik kepada rakyat. Jumlah daripada subsidi itu jika dikurangkan pula, mampu memberikan subsidi kepada kos bahan makanan asas rakyat. Jika pengurangan daripada subsidi bahan bakar petroleum digunakan oleh kerajaan untuk beralih kepada subsidi bahan makanan.

Kereta atau apa-apa sahaja bentuk kenderaan bermotor bukanlah sesuatu yang sangat praktikal pada masa ini kerana telah berlaku penambahan mendadak di seluruh dunia. Impak daripada penggunaannya juga turut dirasakan. Kesesakan lalu lintas, kesan kepada kesihatan, ekonomi dan kematian akibat kemalangan mungkin sudah cukup untuk menjadi sebab kereta perlu digunakan dengan lebih optimum. Kesan yang dihasilkan oleh banyaknya kenderaan telah dirasakan di bandar besar dunia. Bertitik tolak daripada kesedaran itu, kebanyakan

masyarakat di negara maju sedar serta menggunakan alternatif lain semisal pengangkutan awam dan basikal sebagai pengangkutan utama.

Di negara kita, mungkin kita masih lagi kurang kesedaran dalam hal ini. Kereta masih lagi dijadikan kenderaan paling utama pada zaman moden. Bahkan, ramai lagi yang masih menganggap kereta sebagai lambang ketinggian status sosial seseorang. Fikrah atau doktrin ini selalu menjadi perbualan hangat kebanyakan orang dan pada masa yang sama, kita hampir tidak sedar soal kesannya. Tidak kurang juga yang menganggap kereta merupakan keperluan utama untuk isi rumah yang memiliki jumlah anak yang banyak, namun idea soal memiliki anak ramai bukanlah sesuatu yang praktikal di negara maju kerana boleh menyempitkan ruang pengagihan ekonomi.

Setiap perubahan yang mahu atau mesti dilakukan, tetap memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Banyak perkara yang perlu dibahaskan antaranya ialah adakah pengangkutan awam di negara ini efisien atau adakah negara kita merupakan negara yang mesra pengguna basikal? Sekiranya lebih banyak orang memiliki kesedaran dan mengambil inisiatif sendiri ke arah mengurangkan penggunaan kereta, mungkin hal ini mampu melahirkan masyarakat dengan persekitaran yang lebih baik pada masa hadapan. Negara maju bukanlah negara yang mendapati orang miskin mempunyai kereta, namun negara maju merupakan negara yang terdiri daripada orang kaya yang menaiki kenderaan awam. □

